



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : (9) dlm. JK/MP 38 Jld. 6

Tarikh : 11 Jun 2013

Pengarah Mahkamah Negeri
Seluruh Malaysia

Hakim Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Majistret
Seluruh Malaysia

Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Rendah
Seluruh Malaysia

Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah
Seluruh Malaysia

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN AMALAN BIL. 6 TAHUN 2013
PENGGELASAN KOD BAGI KES-KES DI MAHKAMAH TINGGI, MAHKAMAH
SESYEN DAN MAHKAMAH MAJISTRET SELURUH MALAYSIA

Adalah didapati bahawa wujud ketidakseragaman dalam pengkelasan kod perihal perkara (*subject matter*) di Mahkamah Tinggi dan juga di Mahkamah Rendah.

2. Ketidakseragaman ini timbul kerana terdapat pelbagai perihal perkara undang-undang yang baru yang tidak disenaraikan pengkelasan kodnya sebelum ini dan ada mahkamah-mahkamah telah mengambil inisiatif sendiri dengan mewujudkan kod sendiri tanpa merujuk kepada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia. Di samping itu, terdapat juga Arahan-Arahan Amalan yang telah dikeluarkan

mengikut keperluan dari semasa ke semasa dan ada kalanya bertindih dengan Arahan-Arahan Amalan yang dikeluarkan terdahulu.

TUJUAN

3. Arahan Amalan ini dikeluarkan dengan tujuan berikut:

- i. mewujudkan satu Senarai Khas Pengkelasan Kod Perihal Perkara bagi Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah yang mengelaskan kod-kod perihal perkara di peringkat Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret;
- ii. menyeragamkan pengkelasan kod-kod perihal perkara di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret;
- iii. menjelaskan kekaburan/kekeliruan yang timbul atas Arahan-Arahan Amalan yang bertindih; dan
- iv. menjadi rujukan mudah bagi pengkelasan kod-kod perihal perkara di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret.

PENGKELASAN KOD BAGI KES DAGANG NCC DAN KES SIVIL NCvC DI MAHKAMAH RENDAH

4. Bagi maksud penyeragaman kes-kes dagang dengan pengkelasan kod NCC di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah, kes-kes dagang kod NCC di Mahkamah Rendah melibatkan perihal perkara yang berikut:

4.1 *Urusan Bank*

- (a) Bil Pertukaran
- (b) Bil Jualan
- (c) Surat Kredit
- (d) Suratcara Boleh Niaga

4.2 *Kontrak Agensi*

4.3 *Kewangan*

- (a) Sewa Beli
- (b) Pemajakan

- (c) Pinjaman Wang
- (d) Saham dan Syer
- (e) Bon

4.4 *Insurans*

4.5 *Perkongsian*

4.6 *Jualan Barangan*

5. Manakala kes-kes sivil dengan pengkelasan kod NCvC di Mahkamah Rendah melibatkan perihal perkara berikut:

5.1 *Kontrak*

- (a) Kontrak Bagi Perkhidmatan
 - (b) Kontrak Perkhidmatan
 - (c) Perjanjian Jual Beli Tanah/Bangunan
6. Mana-mana perihal perkara yang tidak disenaraikan di atas hendaklah dikelaskan dengan kod guaman sivil am.
 7. Pengkelasan kod di perenggan 4 dan 5 bagi Mahkamah Rendah di atas hanya terpakai bagi kes-kes yang difailkan **pada atau selepas 1 Julai 2013**.

RAYUAN DARI MAHKAMAH RENDAH KE MAHKAMAH TINGGI

8. Bagi rayuan-rayuan dari Mahkamah Rendah Kuala Lumpur ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, memandangkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telahpun ditubuhkan Mahkamah Khas tertentu seperti NCC, NCvC, Muamalat, Pembinaan, Admiralti dan Harta Intelek, maka rayuan sivil dari Mahkamah Rendah hendaklah dikelaskan mengikut kod dalam Senarai Khas Pengkelasan Kod Perihal bagi Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah dan didengar di Mahkamah Tinggi berkaitan dan bukan lagi di Mahkamah Rayuan Kuasa-Kuasa Khas (RKK).
9. Manakala bagi Mahkamah-Mahkamah Tinggi lain yang tidak mempunyai Mahkamah Khas seperti di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, pengkelasan kod masih perlu dibuat bagi kes-kes rayuan dari Mahkamah Rendah tetapi pendengaran rayuan-rayuan tersebut adalah mengikut amalan sedia ada.

PENGEKELASAN KOD BAGI KES DAGANG NCC, NCvC, MUAMALAT DAN HARTA INTELEK DI MAHKAMAH TINGGI SELAIN DARIPADA MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR

10. Bagi maksud penyeragaman kes-kes dagang NCC di Mahkamah Tinggi selain daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, kes-kes dagang NCC di semua Mahkamah Tinggi berkaitan melibatkan perihal perkara yang berikut:

10.1 *Admiralti (in rem dan personam)*

- (a) Bil Muatan
- (b) Pengangkutan Barangan melalui Laut/Udara
- (c) Pelanggaran di Laut
- (d) Perkapalan Dagang

10.2 *Urusan Bank*

- (a) Bil Pertukaran
- (b) Bil Jualan
- (c) Surat Kredit
- (d) Suratcara Boleh Niaga
- (e) Kes Muamalat

10.3 *Kebankrapan*

10.4 *Pendaftaran Perniagaan*

10.5 *Akta Syarikat 1965 [Akta 125]*

- (a) Penggulangan Syarikat
- (b) Debentur
- (c) Saham dan Syer

10.6 *Kontrak*

- (a) Agensi

10.7 ***Kewangan***

- (a) Keesahan Syarikat
- (b) Akta Penghutang 1957 (Semakan 1981) [Akta 256]
- (c) Pemfaktoran
- (d) Sewa Beli
- (e) Pemajakan
- (f) Pinjaman Wang

10.8 ***Insurans***

10.9 ***Harta Intelektual (IP)***

Kes-kes harta Intelek di semua Mahkamah Tinggi adalah melibatkan perihal perkara berikut :

- (a) Nama Perdagangan dan Perihalan
- (b) Hakcipta
- (c) Rekabentuk Perindustrian
- (d) Paten
- (e) Tanda Perkhidmatan
- (f) Akta Perihal Dagangan 1972 [Akta 87]
- (g) Tanda Niaga

10.10 ***Undang-Undang Kelautan***

10.11 ***Perkongsian***

10.12 ***Jualan Barangan***

10.13 ***Muamalat***

11. Manakala kes-kes sivil NCvC di semua Mahkamah Tinggi selain daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pula melibatkan perihal perkara berikut:

11.1 *Rujukan Tanah*

- (a) Akta Pengambilan Tanah 1990 (Semakan 1992) [*Akta 486*]

11.2 *Pentadbiran Harta Pusaka*

- (a) Surat Kuasa Mentadbir
- (b) Anggapan Kematian
- (c) Probet
- (d) Wasiat

11.3 *Kontrak*

- (a) Mungkir Janji Perkahwinan
- (b) Kontrak Bagi Perkhidmatan
- (c) Kontrak Perkhidmatan
- (d) Perjanjian Jual Beli Tanah/Bangunan

11.4 *Undang-Undang Keluarga*

- (a) Pengangkatan
- (b) Jagaan Budak
- (c) Perceraian
- (d) Penjagaan Budak
- (e) Nafkah Isteri dan Anak dan Relif Sampingan lain
- (f) Guaman Suami/Isteri
- (g) Pembatalan Perkahwinan

11.5 *Kanun Tanah Negara 1965*

- (a) Kaveat
- (b) Pajakan
- (c) Halang Tebus

- (d) Perkara lain yang timbul di bawah Kanun Tanah Negara

11.6 ***Hasil***

- (a) Tuntutan cukai pendapatan
- (b) Tuntutan hasil yang lain

11.7 ***Tort***

- (a) Fitnah
- (b) Kemalangan Perusahaan
- (c) Kecuaian
- (d) Tuntutan Kecederaan Diri
- (e) Pampasan Pekerja

11.8 ***Amanah***

- (a) Akta Pemegang Amanah (Semakan 1978) [*Akta 208*]
- (b) Akta Pertubuhan 1966 (Semakan 1987) [*Akta 335*]

11.9 ***Perkara-Perkara di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976***

- (a) Permohonan Semasa Latihan (Penerimaan Jangka Masa Pendek)
- (b) Petisyen Penerimaan Masuk dan Daftara sebagai Peguambela dan Peguamcara
- (c) Rayuan terhadap keputusan Lembaga Disiplin di bawah seksyen 103E

11.10 ***Undang-Undang Pentadbiran termasuk:***

- (a) Certiorari (Aturan 53, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012)
- (b) Injunksi oleh/terhadap Pertubuhan dan lain-lain Organisasi
- (c) Mandamus (Aturan 53, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012)
- (d) Larangan (Aturan 53, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012)
- (e) Mahkamah Perusahaan

11.11 Rayuan daripada Badan Berkanun (Aturan 55, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012) termasuk:

- (a) Akta Pekerjaan 1955 (Semakan 1981) [Akta 265]
- (b) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]
- (c) Seksyen 418 Kanun Tanah Negara 1965
- (d) Akta Setem 1949 (Semakan 1989) [Akta 378]
- (e) Rayuan Cukai
- (f) Enakmen Lembaga Bandaran (Bab 137)
- (g) Akta Cap Dagangan 1976 [Akta 175]

11.12 Akta Timbangtara 2005 [Akta 646]

11.13 Rayuan Sivil daripada Mahkamah-Mahkamah Rendah (Aturan 55, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012)

- (a) Mahkamah Majistret
- (b) Mahkamah Sesyen

11.14 Tafsiran Statut dan Suratcara

11.15 Akta Surat Kuasa Wakil 1949 (Semakan 1990) [Akta 424]


- 12. Mana-mana perihal perkara yang tidak disenaraikan di atas hendaklah dikelaskan dengan kod guaman sivil am.
- 13. Bagi Mahkamah Tinggi yang tidak mempunyai Mahkamah-Mahkamah Khas seperti yang terdapat di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semua perihal perkara tersebut **HENDAKLAH** diberi pengkelasan kod menurut Senarai Khas Pengkelasan Kod bagi Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah sebagaimana Arahan Amalan 6/2013 ini .
- 14. Bagi Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, kes-kes seperti di item 66 hingga 69 di Lampiran Pengkelasan Kod Kes Sivil Mahkamah Tinggi hendaklah difailkan di Bahagian Pelaksanaan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.
- 15. Arahan Amalan ini merupakan tambahan dan tidak akan membatalkan Arahan-Arahan Amalan dan Pekeliling-Pekeliling yang terdahulu kecuali mengenai pengkelasan kod perihal perkara (*subject matter*). Walau bagaimanapun sekiranya terdapat percanggahan atau kekeliruan, Arahan Amalan ini adalah terpakai.
- 16. Selepas daripada Arahan Amalan ini, sayugia adalah diingatkan bahawa mahkamah-mahkamah tidak boleh sewenang-wenangnya memberi pengkelasan kod kepada sebarang perkara undang-undang di hadapannya.

17. Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2013** dan hanya terpakai kepada kes-kes yang difailkan pada dan selepas tarikh tersebut.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(AZIMAH BINTI OMAR)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

s.k :

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
No.45, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
SARAWAK

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
SARAWAK

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Ketua Bahagian Guaman
Jabatan Peguam Negara
PUTRAJAYA

Pengarah Bahagian Pengurusan
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Ketua Bahagian Dasar, Latihan dan Perancangan Strategik
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak
Mahkamah Sesyen Kuching
SARAWAK

Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Ketua Bahagian e-Kehakiman
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pustakawan
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Presiden
Majlis Peguam Malaysia
13,15 dan 17 Leboh Pasar Besar
50050 KUALA LUMPUR

Pengerusi
Persatuan Undang-Undang Sabah
Tingkat 2, 58, Jalan Pantai
Hainan Association Building
88000 Kota Kinabalu
SABAH

Pengerusi
Persatuan Peguambela Sarawak
Bilik Peguam, Kompleks Mahkamah Kuching
Jalan Gersik, Petra Jaya
93050 Kuching
SARAWAK



**LAMPIRAN PENGKELASAN KOD
ARAHAN AMALAN BIL. 6 TAHUN 2013
BAGI MAHKAMAH TINGGI, MAHKAMAH SESYEN
DAN MAHKAMAH MAJISTRET**

**DISEDIAKAN OLEH:
PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

MAHKAMAH TINGGI

KES SIVIL

BIL	KOD	NAMA
1.	Kod 11A	Rayuan Interlokutori Sivil dari Mahkamah Majistret (Am)
2.	Kod 11AM (Arahan Amalan Bil.4 Tahun 2013)	Rayuan Interlokutori Sivil Kes Muamalat dari Mahkamah Majistret
3.	Kod 11AC (Pekeliling Ketua Pendaftar Bil.2 Tahun 2013)	Rayuan Interlokutori Sivil Kes Pembinaan dari Mahkamah Majistret
4.	Kod 11ANCC	Rayuan Interlokutori Kes Dagang dari Mahkamah Majistret
5.	Kod 11ANCvC	Rayuan Interlokutori Kes Sivil dari Mahkamah Majistret
6.	Kod 11B	Rayuan selepas Bicara Penuh Sivil dari Mahkamah Majistret (Am)
7.	Kod 11BM (Arahan Amalan Bil.4 Tahun 2013)	Rayuan selepas Bicara Penuh Sivil Kes Muamalat dari Mahkamah Majistret
8.	Kod 11BC (Pekeliling Ketua Pendaftar Bil.2 Tahun 2013)	Rayuan selepas Bicara Penuh Sivil Kes Pembinaan dari Mahkamah Majistret
9.	Kod 11BNCC	Rayuan Bicara Penuh Kes Dagang dari Mahkamah Majistret
10.	Kod 11BNCvC	Rayuan Bicara Penuh Kes Sivil dari Mahkamah Majistret
11.	Kod 12A	Rayuan Interlokutori Sivil dari Mahkamah Sesyen (Am)
12.	Kod 12AM (Arahan Amalan Bil.4 Tahun 2013)	Rayuan Interlokutori Sivil Kes Muamalat dari Mahkamah Sesyen
13.	Kod 12AC (Pekeliling Ketua Pendaftar Bil.2 Tahun 2013)	Rayuan Interlokutori Sivil Kes Pembinaan dari Mahkamah Sesyen
14.	Kod 12ANCC	Rayuan Interlokutori Kes Dagang dari Mahkamah Sesyen

15.	Kod 12ANCvC	Rayuan Interlokutori Kes Sivil dari Mahkamah Sesyen
16.	Kod 12B	Rayuan selepas Bicara Penuh dari Mahkamah Sesyen (Am)
17.	Kod 12BM (Arahan Amalan Bil.4 Tahun 2013)	Rayuan selepas Bicara Penuh Kes Muamalat dari Mahkamah Sesyen
18.	Kod 12BC (Pekeliling Ketua Pendaftar Bil.2 Tahun 2013)	Rayuan selepas Bicara Penuh Kes Pembinaan dari Mahkamah Sesyen
19.	Kod 12BNCC	Rayuan Bicara Penuh Kes Dagang dari Mahkamah Sesyen
20.	Kod 12BNCvC	Rayuan Bicara Penuh Kes Sivil dari Mahkamah Sesyen
21.	Kod 13	Penyemakan Sivil (*difailkan di RKK untuk KMKL)
22.	Kod 13M	Penyemakan Sivil Kes Muamalat
23.	Kod 13C (Pekeliling Ketua Pendaftar Bil.2 2013)	Penyemakan Sivil Kes Pembinaan
24.	Kod 13NCC	Penyemakan Sivil Kes Dagang
25.	Kod 13NCvC	Penyemakan Sivil Kes Sivil
26.	Kod 14	Rayuan Cukai
27.	Kod 15	Rujukan Tanah
28.	Kod 16	Rayuan dari Tribunal Pentadbiran
29.	Kod 17A	Kes-kes di bawah Seksyen 88A Akta Profesion Undang-undang 1976
30.	Kod 17B	Kes-kes di bawah Seksyen 107 Akta Profesion Undang-undang 1976
31.	Kod 17C	Permohonan Semasa Latihan (Penerimaan Jangka Masa Pendek)

32.	Kod 17D	Prosiding Lain di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976
33.	Kod 18	Petisyen Penerimaan Masuk Peguambela & Peguamcara
34.	Kod 21 NCvC	Writ Saman oleh dan terhadap Kerajaan (Sivil)
35.	Kod 21 NCC	Writ Saman oleh dan terhadap Kerajaan (Dagang)
36.	Kod 21M	Writ Saman Kes Sivil Muamalat oleh dan terhadap Kerajaan
37.	Kod 21C (Pekeliling Ketua Pendaftar Bil.2 2013)	Writ Saman Kes Sivil Pembinaan oleh dan terhadap Kerajaan
38.	Kod 21IP	Writ Saman Kes Sivil Harta Intelek oleh dan terhadap Kerajaan
39.	Kod 22 NCvC	Writ Saman
40.	Kod 22 NCC	Writ Saman (Untuk Bahagian Dagang KMKL sahaja)
41.	Kod 22F	Writ Saman (Untuk Bahagian Keluarga KMKL sahaja)
42.	Kod 22M (Arahan Amalan Bil.4 Tahun 2013)	Writ Saman Kes Sivil Muamalat
43.	Kod 22C (Pekeliling Ketua Pendaftar Bil.2 2013)	Writ Saman Kes Sivil Pembinaan
44.	Kod 22IP	Writ Saman Kes Sivil Harta Intelek
45.	Kod 23 NCvC	Writ Saman (Tort)
46.	Kod 24 NCvC	Saman Pemula Kes Sivil
47.	Kod 24M (Arahan Amalan Bil.4 Tahun 2013)	Saman Pemula Kes Sivil Muamalat
48.	Kod 24C (Pekeliling Ketua Pendaftar Bil.2 2013)	Saman Pemula Kes Sivil Pembinaan

49.	Kod 24C(ARB) (Pekeliling Ketua Pendaftar Bil.2 2013)	Saman Pemula Kes Sivill Pembinaan(timbangtara)
50.	Kod 24F (Arahan Amalan PMT Bil. 1 2013)	Saman Pemula Bagi Tindakan Halang Tebus / Gadaian
51.	Kod 24MF	Saman Pemula Bagi Tindakan Halang Tebus / Gadaian (Muamalat)
52.	Kod 24ARB (Pekeliling PMT Bil.1 2010)	Saman Pemula (Timbang Tara)
53.	Kod 25	Usul Pemula/ Permohonan Semakan Kehakiman
54.	Kod 25ARB (Pekeliling PMT Bil.1 2010)	Usul Pemula (Timbang Tara)
55.	Kod 26	Petisyen Pemula
56.	Kod 26PP	Petisyen Pilihanraya
57.	Kod 27	Admiralti
58.	Kod 28	Penggulungan Syarikat
59.	Kod 29	Kebankrapan
60.	Kod 31 NCvC	Surat Kuasa Mentadbir
61.	Kod 32 NCvC	Probet
62.	Kod 33	Perceraian
63.	Kod 33JP	Perceraian (Petisyen Bersama)
64.	Kod 34	Kesahtarafan / Pengangkatan Anak
65.	Kod 36	Perintah Larangan

66.	Kod 37WS	Permohonan Pelaksanaan (Harta Alih) – Writ Penyitaan dan Penjualan
67.	Kod 37G	Permohonan Pelaksanaan (Harta Alih) – Prosiding Garnishee
68.	Kod 37J	Permohonan Pelaksanaan (Harta Alih) – Saman Penghutang Penghakiman
69.	Kod 37WP	Permohonan Pelaksanaan Writ Pemilikan
70.	Kod 38	Permohonan Pelaksanaan (Harta Tak Alih / Lelongan Awam)
71.	Kod 39	Rayuan Sivil Mahkamah Anak Negeri (Hanya untuk Mahkamah Tinggi Sabah sahaja)
72.	Kod 40	Pemeteraian Semula Probet (Hanya untuk Mahkamah Tinggi Sabah sahaja)

KES JENAYAH

BIL	KOD	NAMA
1.	Kod 41H	Rayuan terhadap Hukuman Dari Mahkamah Majistret
2.	Kod 41LB	Rayuan Lepas dan Bebas dari Mahkamah Majistret
3.	Kod 41EG (Arahan Amalan Ketua Pendaftar Bil.3 2012)	Rayuan dari Mahkamah Majistret (Kesalahan Alam Sekitar Am)
4.	Kod 41ES (Arahan Amalan Ketua Pendaftar Bil.3 2012)	Rayuan dari Mahkamah Majistret (Kesalahan Alam Sekitar Spesifik)
5.	Kod 41IP	Rayuan dari Mahkamah Majistret (Kesalahan Harta Intelek)
6.	Kod 415(A)	Rayuan Jenayah terhadap Sabitan dan Hukuman daripada Mahkamah Majistret melibatkan Pekhidmat Awam
7.	Kod 41H(A)	Rayuan Jenayah terhadap Hukuman daripada Mahkamah Majistret melibatkan Pekhidmat Awam
8.	Kod 41LB(A)	Rayuan Lepas dan Bebas dari Mahkamah Majistret melibatkan Pekhidmat Awam
9.	Kod 42S	Rayuan terhadap Sabitan dan Hukuman Dari Mahkamah Sesyen
10.	Kod 42H	Rayuan terhadap Hukuman Dari Mahkamah Sesyen
11.	Kod 42LB	Rayuan Lepas dan Bebas dari Mahkamah Sesyen
12.	Kod 42EG (Arahan Amalan Ketua Pendaftar Bil.3 2012)	Rayuan dari Mahkamah Sesyen (Kesalahan Alam Sekitar Am)
13.	Kod 42ES (Arahan Amalan Ketua Pendaftar Bil.3 2012)	Rayuan dari Mahkamah Sesyen (Kesalahan Alam Sekitar Spesifik)

14.	Kod 42IP	Rayuan dari Mahkamah Sesyen (Kesalahan Harta Intelek)
15.	Kod 42S(A)	Rayuan Jenayah terhadap Sabitan daripada Mahkamah Sesyen melibatkan Pekhidmat Awam
16.	Kod 42H(A)	Rayuan Jenayah terhadap Hukuman daripada Mahkamah Sesyen melibatkan Pekhidmat Awam
17.	Kod 42LB(A)	Rayuan Lepas dan Bebas dari Mahkamah Sesyen melibatkan Pekhidmat Awam
18.	Kod 42SC	Rayuan kes-kes Pasaran Modal dari Mahkamah Sesyen
19.	Kod 43	Semakan Jenayah
20.	Kod 43(A)	Semakan Jenayah (Pekhidmat Awam)
21.	Kod 44	Permohonan Jenayah
22.	Kod 44(A)	Permohonan Jenayah (Pekhidmat Awam)
23.	Kod 45	Perbicaraan Jenayah Am
24.	Kod 45A	S.39B ADB 1952
25.	Kod 45B	S.302 KK
26.	Kod 45C	Akta Penculikan 1961
27.	Kod 45D	Akta Senjata Api (Hukuman Lebih Berat) 1971
28.	Kod 45BS	S.396 KK (Samun Berkumpulan dan Bunuh)
29.	Kod 45SO (Arahan Amalan Bil 1. 2013)	Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012
30.	Kod 46	Perbicaraan Jenayah Am Melibatkan Pekhidmat Awam

31.	Kod 46A	S.39B ADB 1952 (Pekhidmat awam)
32.	Kod 46B	S.302 KK (Pekhidmat Awam)
33.	Kod 46C	Akta Penculikan 1961 (Pekhidmat Awam)
34.	Kod 46D	Akta Senjata Api (Hukuman Lebih Berat) 1971 (Pekhidmat Awam)
35.	Kod 46B5	S.396 KK (Samun Berkumpulan dan Bunuh) (Pekhidmat Awam)
36.	Kod 46SO	Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Pekhidmat Awam)
37.	Kod 47	Rayuan Jenayah Mahkamah Anak Negeri (Hanya untuk Mahkamah Tinggi Sabah sahaja)

MAHKAMAH SESYEN

KES SIVIL

BIL	KOD	KATEGORI
1.	Kod A51	Writ Saman oleh dan terhadap Kerajaan (RM100,001 – RM300,000)
2.	Kod B51	Writ Saman oleh dan terhadap Kerajaan (RM300,001 – RM1,000,000)
3.	Kod A51 NCvC	Writ Saman oleh dan terhadap Kerajaan (Sivil) (RM100,001 – RM300,000)
4.	Kod B51 NCvC	Writ Saman oleh dan terhadap Kerajaan (Sivil) (RM300,001 – RM1,000,000)
5.	Kod A51NCC	Writ Saman oleh dan terhadap Kerajaan (Dagang) (RM100,001 – RM300,000)
6.	Kod B51NCC	Writ Saman oleh dan terhadap Kerajaan (Dagang) (RM300,001 – RM1,000,000)
7.	Kod A51M	Writ Saman oleh dan terhadap Kerajaan (Muamalat) (RM100,001 – RM300,000)
8.	Kod B51M	Writ Saman oleh dan terhadap Kerajaan (Muamalat) (RM300,001 – RM1,000,000)
9.	Kod A51C	Writ Saman oleh dan terhadap Kerajaan (Pembinaan)

		(RM100,001 – RM300,000)
10.	Kod B51C	Writ Saman oleh dan terhadap Kerajaan (Pembinaan) (RM300,001 – RM1,000,000)
11.	Kod A52	Writ Saman(Am) (RM100,001 – RM300,000)
12.	Kod B52	Writ Saman(Am) (RM300,001 – RM1,000,000)
13.	Kod A52 NCvC	Writ Saman (Sivil) (RM100,001 – RM300,000)
14.	Kod B52 NCvC	Writ Saman (Sivil) (RM300,001 – RM1,000,000)
15.	Kod A52NCC	Writ Saman (Dagang) (RM100,001 – RM300,000)
16.	Kod B52NCC	Writ Saman (Dagang) (RM300,001 – RM1,000,000)
17.	Kod A52M	Writ Saman (Muamalat) (RM100,001 – RM300,000)
18.	Kod B52M	Writ Saman (Muamalat) (RM300,001 – RM1,000,000)
19.	Kod A52C / B52C	Writ Saman (Pembinaan)
20.	Kod A53	Tort (Am)
21.	Kod A53KJ	Tort (Kemalangan Jalan Raya)
22.	Kod B53KP	Tort (Kecuaian Profesional)
23.	Kod B53F	Tort (Fitnah)
24.	Kod A53C	Tort (Pembinaan) (RM100,001 – RM300,000)
25.	Kod B53C	Tort (Pembinaan) (RM300,001 – RM1,000,000)

26.	Kod A54	Saman Pemula (RM100,001 – RM300,000)
27.	Kod B54	Saman Pemula (RM300,001 – RM1,000,000)
28.	Kod 55	Permohonan Timbangtara (di bawah seksyen 212(1) Kanun Tanah Sarawak)
29.	Kod 56	Permohonan Pelaksanaan (Am)
30.	Kod 56WS	Permohonan Pelaksanaan (Writ Penyitaan & Penjualan)
31.	Kod 56J	Permohonan Pelaksanaan (Saman Penghutang Penghakiman)
32.	Kod 57	Siasatan Kewarganegaraan
33.	Kod 58	Permohonan Pengangkatan
34.	Kod 59	Tuntutan Nafkah

KES JENAYAH

BIL	KOD	KATEGORI
1.	Kod 61	Kes Tangkap Pekhidmat Awam (Am)
2.	Kod 61J	Kes Tangkap Pekhidmat Awam (Jenayah Jalanan)
3.	Kod 61R (Arahan Amalan Bil 5 Tahun 2011)	Kes Tangkap Pekhidmat Awam (Rasuah)
4.	Kod 61JS	Kes Tangkap Pekhidmat Awam (Jenayah Seksual)
5.	Kod 61RS	Kes Tangkap Pekhidmat Awam (Jenayah Rompak,Samun,Curi)
6.	Kod 61IP	Kes Tangkap Pekhidmat Awam (Harta Intelek)
7.	Kod 62	Kes Tangkap (Am)
8.	Kod 62J	Kes Tangkap (Jenayah Jalanan)
9.	Kod 62R (Arahan Amalan Bil 5 Tahun 2011)	Kes Tangkap (Rasuah)
10.	Kod 62ATP	Kes Tangkap (Anti-Trafficking in Person)
11.	Kod 62EG (Arahan Amalan Bil. 3 Tahun 2012)	Kes Kesalahan Alam Sekitar (Am)
12.	Kod 62ES (Arahan Amalan Bil. 3 Tahun 2012)	Kes Kesalahan Alam Sekitar (Spesifik)
13.	Kod 62JS	Kes Tangkap (Jenayah Seksual)
14.	Kod 62RS	Kes Tangkap (Jenayah Rompak, Samun, Curi)
15.	Kod 62IP	Kes Tangkap (Harta Intelek)
16.	Kod 62SC	Kes Pasaran Modal

17.	Kod 62PT	Kes Tangkap (PATI)
18.	Kod 63	Kes Saman Jenayah
19.	Kod 63EG	Kes Saman Kesalahan Alam Sekitar (Am)
20.	Kod 63ES	Kes Saman Kesalahan Alam Sekitar (Spesifik)
21.	Kod 64	Permohonan Jenayah
22.	Kod 64FOP	Permohonan Jenayah (di bawah Akta Dadah Berbahaya)
23.	Kod 64EK	Permohonan Jenayah (di bawah Akta Ekstradisi)
24.	Kod 64SO (Arahan Amalan Bil. 1 Tahun 2013)	Permohonan Jenayah di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas 2012)

MAHKAMAH MAJISTRET

KES SIVIL

BIL	KOD	KATEGORI
1.	Kod A71	Writ Saman oleh dan terhadap Kerajaan
2.	Kod A71 NCvC	Writ Saman oleh dan terhadap Kerajaan (Sivil)
3.	Kod A71NCC	Writ Saman oleh dan terhadap kerajaan (Dagang)
4.	Kod A71M	Writ Saman oleh dan terhadap Kerajaan (Muamalat)
5.	Kod A71C	Writ Saman oleh dan terhadap Kerajaan (Pembinaan)
6.	Kod A72	Writ Saman (Am)
7.	Kod A72 NCvC	Writ Saman (Sivil)
8.	Kod A72NCC	Writ Saman (Dagang)
9.	Kod A72M	Writ Saman (Muamalat)
10.	Kod A72C	Writ Saman (Pembinaan)
11.	Kod A73	Tort (Am)
12.	Kod A73KJ	Tort (Kemalangan Jalan Raya)
13.	Kod A73C	Tort (Pembinaan)
14.	Kod A74	Saman Pemula

15.	Kod 76	Permohonan Pelaksanaan (Am)
16.	Kod 76WS	Permohonan Pelaksanaan (Writ Penyitaan & Penjualan)
17.	Kod 76J	Permohonan Pelaksanaan (Saman Penghutang Penghakiman)
18.	Kod A77	Tuntutan Kecil
19.	Kod 78	Tuntutan Nafkah
20.	Kod 79	Permohonan Pengeluaran Kelahiran (Hanya untuk Mahkamah Sabah sahaja)
21.	Kod 80	Permohonan Pengeluaran Kematian (Hanya untuk Mahkamah Sabah sahaja)

KES JENAYAH

BIL	KOD	KATEGORI
1.	Kod 81	Kes Komital Ke Mahkamah Tinggi
2.	Kod 82	Kes Tangkap Pekhidmat Awam (Am)
3.	Kod 82J	Kes Tangkap Pekhidmat Awam (Jenayah Jalanan)
4.	Kod 82RS	Kes Tangkap Pekhidmat Awam (Rompak, Curi)
5.	Kod 82D	Kes Tangkap Pekhidmat Awam (Dadah)
6.	Kod 83	Kes Tangkap (Am)
7.	Kod 83J	Tangkap (Am) (Jenayah Jalanan)
8.	Kod 83EG	Kes Kesalahan Alam Sekitar (Am)
9.	Kod 83ES	Kes Kesalahan Alam Sekitar (Spesifik)
10.	Kod 83IP	Kes Tangkap (Harta Intelek)
11.	Kod 83RS	Kes Tangkap (Rompak, Curi)
12.	Kod 83D	Kes Tangkap (Dadah)
13.	Kod 84	Kes Kanak-Kanak (Am)
14.	Kod 84 J	Kes Kanak-Kanak (Jenayah Jalanan)
15.	Kod 85	Saman Jenayah (Am)
16.	Kod 86POL	Trafik (PDRM)

17.	Kod 86JPJ	Trafik (JPJ)
18.	Kod 86AES	Trafik (AES)
19.	Kod 87	Saman Jabatan (Am)
20.	Kod 87 T	Saman Jabatan (Trafik)
21.	Kod 87EG	Saman Jabatan kesalahan Alam Sekitar (Am)
22.	Kod 87ES	Saman Jabatan kesalahan Alam Sekitar (Spesifik)
23.	Kod 88	Siasatan Kematian
24.	Kod 89	Permohonan Jenayah
25.	Kod 89RE	Permohonan Jenayah (Reman di bawah s. 117 KAJ)
26.	Kod 89RE (C)	Permohonan Jenayah (Reman di bawah s. 117 KAJ) (Kanak-Kanak)
27.	Kod 89UT	Permohonan Jenayah (Perintah Pengawasan Kes-kes AADK)
28.	Kod 89UT(C)	Permohonan Jenayah (Perintah Pengawasan Kes-kes AADK) (Kanak-kanak)